



ABDUL AZIZ ISHAK (duduk tiga kiri) dan Dr. Mohd. Fauzi Ramlan (duduk empat kiri) bergambar dengan kakitangan Utusan dan UPM dalam Sesi Lawatan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) ke Utusan Melayu, Kuala Lumpur, baru-baru ini. Turut serta Dr. Mohd. Shatar Sabran (duduk dua kiri), Dr. Mohd. Azmi Mohd. Ila (duduk dua kanan) dan Dr. V. Renuganth (duduk kanan). - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

UPM lawat *Utusan Malaysia*

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Seramai 20 pegawai kanan dan kakitangan akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di sini baru-baru ini bagi mengeratkan hubungan yang sedia terjalin sebelum ini.

Dalam lawatan itu, ahli akademik UPM turut mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar pandangan dengan pengurusan Utusan Melayu (M) Berhad mengenai hala tuju dan perancangan masa depan kedua-dua belah pihak.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Pengurus Jabatan Pengarang, Syed Agil Syed Jaafar; Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

UPM, Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd. Ila; Timbalan Naib Canselor Hal Ehlwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Shatar Sabran dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof. Dr. Ir V. Renuganth.

Menurut Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan, lawatan tersebut bertujuan menjalin kerjasama antara UPM dengan media yang merupakan saluran perhubungan masyarakat dan pihak universiti termasuk sebagai medium penyebaran maklumat.

Katanya, usaha tersebut perlu dilakukan bagi mengubah persepsi masyarakat terutama berhubung kemampuan dan reputasi UPM sebagai salah sebuah universiti penyelidikan yang terunggul di dunia dan juga Asia.

"UPM mempunyai kedudukan terbaik dalam kalangan universiti di Asia. Oleh itu, kami memerlukan le-

bih ramai golongan bijak yang mampu melonjakkan nama negara dan menyumbangkan kepada masyarakat dalam bidang penyelidikan.

"Kami turut mempunyai lebih daripada 1,000 paten produk hasil penyelidikan UPM yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat dan perlu menggunakan media sebagai platform untuk menyampaikan maklumat tersebut," katanya selepas lawatan itu di sini.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Fauzi berkata, pihaknya turut menekankan aspek penyelidikan dan pertanian bandar yang mampu memberikan manfaat kepada semua pihak termasuk golongan yang tinggal di kawasan perumahan.

"Kita mempunyai inovasi ciptaan baharu seperti kaedah penternakan ikan yang boleh dilakukan dengan hanya menggunakan tangki yang diubah suai mengikut keadaan dan situasi," ujarnya.